

Tanggungjawab parti politik tampilkan wakil wanita

KUALA LUMPUR: Usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik termasuk menjadi Ahli Parlimen adalah tanggungjawab asas parti politik di negara ini untuk menampilkan golongan itu sebagai calon dalam pilihan raya.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff, berkata setakat ini penyertaan wanita dalam politik masih rendah apabila hanya 15 peratus atau 33 daripada 220 Ahli Parlimen adalah wanita.

"Jumlah perwakilan wanita di Dewan Rakyat sehingga kini hampir 15 peratus iaitu 33 wanita daripada 220 kerusi Parlimen yang mana ada dua kekosongan daripada jumlah keseluruhannya.

"Di Dewan Negara sekarang ini juga, hampir 15 peratus iaitu lapan wanita daripada 53 Ahli Dewan Negara yang mana ada 17 kekosongan di Dewan Negara.

"Berdasarkan Indeks Jurang Gender Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020, didapati terdapat jurang gender yang agak ketara antara lelaki dan wanita dalam penyertaan politik iaitu 0.108 berbanding dengan 1.0 skor penuh.

"Jadi kementerian berpandangan bahawa usaha untuk meningkatkan perwakilan wanita di Parlimen adalah tanggungjawab asas semua parti politik kerana ia bergantung sepenuhnya kepada jumlah kerusi yang dipertandingkan dan dimenangi dalam pilihan raya," katanya pada sesi Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Nor Azrina Surip (PH-Merbok) yang bertanya apakah usaha drastik yang dilakukan oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menginstitusikan dan meningkatkan perwakilan wanita di Parlimen.

Mengenai pembabitan wanita sebagai pembuat keputusan di sektor awam, Siti Zailah berkata ia mencapai 38.2 peratus setakat tahun lalu.

Jelasnya, ia terdiri penjawat awam wanita di peringkat pembuat keputusan melalui pengisian gred utama iaitu Jusa C dan ke atas.

Bagi sektor swasta pula, beliau berkata ia baru mencecah 25.8 peratus.

"Kementerian juga berpandangan bahawa program-program kepekaan gender juga perlu memainkan peranan yang signifikan kerana ia akan memberikan pemahaman mengenai kepentingan pembabitan wanita di peringkat pembuat keputusan termasuklah sebagai Ahli Parlimen.

"Ini adalah satu daripada perkara yang bersifat sistematik yang perlu diberi perhatian bagi menghapuskan segala bentuk pandangan negatif.

"Kementerian sentiasa komited untuk menyokong semua usaha untuk meningkatkan kepimpinan wanita dalam pelbagai bidang termasuk merangkumi penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/870180/tanggungjawab-parti-politik-tampilkan-wakil-wanita>